

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## PAKEJ PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyambut baik inisiatif-inisiatif di bawah Pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Januari 2021. Sebanyak 22 inisiatif telah diumumkan dengan suntikan dana sebanyak RM 15 billion.

Bagi komuniti perniagaan yang terkesan sekali lagi dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 Januari 2021, sebanyak 15 inisiatif di bawah PERMAI disediakan bertujuan untuk menyokong kelangsungan ekonomi dengan pelaksanaan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi.

KPDNHEP komited untuk terus membantu meringankan beban peniaga, terutama pemain industri dalam sektor perdagangan dalam negeri. Oleh yang demikian, pengumuman YAB Perdana Menteri bagi menambahbaik Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit COVID-19 2020 **dengan melanjutkan tempoh kuat kuasa ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontraktual kepada 31 Mac 2021** amat dialu-alukan oleh Kementerian ini.

Penerusan pelaksanaan moratorium ini, yang meliputi perjanjian sewa beli atau kontrak pajakan dan kontrak jualan kredit, akan dapat terus dimanfaatkan oleh golongan yang terjejas seperti golongan B40, M40 dan perusahaan mikro yang gagal memenuhi obligasi kontrak mereka. Pada masa yang sama, **KPDNHEP juga akan meminda beberapa akta di bawah seliaan Kementerian ini yang bertujuan untuk menambahbaik mekanisme penyelamat dan rehabilitasi bagi syarikat-syarikat yang berhadapan dengan masalah kewangan.**

Manakala, bagi membantu komuniti perniagaan, KPDNHEP juga, melalui **Program Prihatin Pandemik COVID-19 KPDNHEP** bertemakan “**Kurangkan Kesan, Rancarkan Perniagaan**”, akan melaksanakan **29 inisiatif bersasar**, antaranya meliputi:

#### **A. Kategori berbentuk moratorium**

- i) **Pengurangan kadar sehingga 60% ke atas kompaun yang dikeluarkan oleh Kementerian ini bagi kesalahan tertentu;**
- ii) **Melanjutkan tempoh pendaftaran percuma bagi SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2021;**
- iii) **Pengurangan kompaun bagi permohonan pembatalan Syarikat di Bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 sehingga 30 Jun 2021;**
- iv) ***Payment holiday* bagi peminjam Dana Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF) yang tidak mempunyai tunggakan melebihi enam (6) bulan; dan**
- v) **Skim 1 Pelajar, 1 Perniagaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang akan memberi pendaftaran perniagaan secara percuma kepada pelajar sepenuh masa di IPTA dan IPTS tempatan yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;**

#### **B. Kategori bagi Membantu Merencanakan Ekonomi**

- i) **Program “Franchise @ Marketplace”,** iaitu kerjasama bersama dengan Shopee bagi mempromosi dan menjual produk francais secara atas talian;
- ii) **Penyewaan Kiosk/ Push Carts di Pasaraya terpilih bagi memberi peluang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memperkenalkan produk mereka kepada orang ramai di pasaraya terpilih, di samping meningkatkan imej dan meningkatkan jualan produk PKS di pasaran tempatan.**
- iii) **Melanjutkan tempoh sah pemegang permit barang kawalan dari 1 tahun kepada 3 tahun dan pemegang permit khas barang kawalan dari 6 bulan kepada 1 tahun;**
- iv) **Program “SSM Prihatin”** bagi membantu peniaga-peniaga kecil dengan menawarkan bantuan yang paling sesuai semasa era pendemik COVID-19 agar

komuniti ini dapat meneruskan perniagaan terutamanya dengan kehadiran pelanggan yang berkurangan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan; dan

- v) **Memendekkan proses pengeluaran permohonan baharu permit barang kawalan dari 7 hari kepada 5 hari dan pembaharuan permit barang kawalan dari 5 hari kepada 3 hari.**

**Senarai penuh inisiatif Program Prihatin Pandemik COVID-19 KPDNHEP** adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kesemua inisiatif yang akan dilaksanakan oleh KPDNHEP ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perdagangan domestik, di samping memudahcara proses kerja, selaras dengan keperluan norma baharu di era pasca COVID-19 ini.

KPDNHEP akan terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan *no one is left behind*, selaras dengan hasrat Belanjawan 2021 “Teguh Kita, Menang Bersama”

#####

**DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI**  
**DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
**( KPDNHEP )**

**19 JANUARI 2021**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampakan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :



## PROGRAM PRIHATIN PANDEMIK COVID-19 KPDNHEP

## TEMA: "KURANGKAN KESAN, RANCAKKAN PERNIAGAAN"

## Kategori 1: Bersifat Moratorium

<i>Direct impact</i>		
Bil	Inisiatif	Objektif
1.	<b>Memberi pelanjutan tempoh masa bagi pemilikan semula</b> barangan di bawah Akta Sewa Beli selaras dengan pelanjutan tempoh moratorium secara bersasar oleh BNM.	Meringankan beban penyewa yang mendapat pembiayaan menerusi pinjaman Sewa Beli.
2.	<b><i>Payment Holiday</i></b>	Memberikan kemudahan kepada peminjam dana Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF) menangguhkan bayaran.
3.	<b>Mengurangkan kadar kompaun sehingga 60%</b> atas kesalahan tertentu berdasarkan rayuan bertulis oleh pesalah	Memberi ruang kepada peniaga untuk membuat pembayaran kompaun.  Memudahcara urusan perniagaan
4.	<b>Melanjutkan tempoh pendaftaran percuma</b> bagi SSM BizTrust.  (*SSM telah menawarkan pendaftaran SSM BizTrust secara percuma bermula 20 Julai 2017 iaitu sejak ia dilancarkan.)	Menggalakkan pematuhan ke atas peruntukan Akta-akta yang ditadbir oleh SSM kepada entiti perniagaan dalam talian.
5.	<b><i>Continuing Professional Education (CPE)</i></b> bagi pematuhan Seksyen 241 Akta Syarikat 2016 dikemaskini bagi menggambarkan norma baharu	Setiausaha syarikat boleh menghadiri latihan secara atas talian bagi memastikan keperluan pengumpulan mata CPE dipatuhi sebagai syarat untuk memperbaharui Sijil Amalan Setiausaha (PC).
6.	<b>Pengurangan Kompaun</b> Bagi Permohonan Pembatalan Syarikat di Bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 sehingga 30 Jun 2021.  (* Insentif ini telah bermula pada 17 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2020.)	SSM akan melanjutkan insentif ini dimana komuniti korporat layak menikmati pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun.

7.	<p><b>Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan</b> pendaftaran perniagaan dan kelewatan pendaftaran perniagaan sehingga 30 Jun 2021.</p> <p>(*Insentif ini telah bermula pada 17 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.)</p>	<p>SSM akan melanjutkan pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan dan memperkembangkan pengecualian kompaun terhadap kelewatan pendaftaran perniagaan sehingga 30 Jun 2021.</p>
8.	<p><b>Skim 1 Pelajar, 1 Perniagaan</b></p> <p>(*Bermula 1 Januari 2017, pelajar IPTA dan IPTS yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 akan dikecualikan daripada dikenakan bayaran.)</p>	<p>SSM akan meneruskan Skim ini bagi membantu pelajar IPTA dan IPTS untuk mendaftarkan perniagaan secara percuma.</p>
9.	<p><b>Penangguhan tempoh pembayaran pembaharuan dan pengecualian surcaj lewat</b> bagi paten dan cap dagangan.</p>	<p>Inisiatif ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan pemunya paten serta cabaran aliran tunai yang dihadapi perniagaan mereka susulan kesan pandemik COVID-19.</p>
10.	<p><b>Menggugurkan bayaran fi</b> pindaan nama dan alamat suatu permohonan dan pendaftaran cap dagangan</p>	<p>Inisiatif ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan pemunya cap dagangan serta cabaran aliran tunai yang dihadapi perniagaan mereka susulan kesan pandemik COVID-19.</p>
11.	<p><b>Penangguhan tempoh masa selama 4 bulan, tambahan kepada tempoh masa statutori 2 bulan yang diberikan,</b> kepada pemohon cap dagangan untuk mengambil tindakan ke atas <i>office action</i> berbayar dengan menggugurkan bayaran fi pelanjutan masa.</p> <p>Oleh itu pemohon mempunyai tempoh masa keseluruhan selama 6 bulan untuk mengambil sebarang tindakan yang diperlukan.</p>	<p>Inisiatif ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan pemunya cap dagangan serta cabaran aliran tunai yang dihadapi perniagaan mereka susulan kesan pandemik COVID-19.</p>
12.	<p><b>Menggugurkan bayaran fi</b> bagi pemfailan borang permohonan pendaftaran cap dagangan secara manual untuk tempoh selama 6 bulan</p>	<p>Inisiatif ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan pemunya cap dagangan serta cabaran aliran tunai yang dihadapi perniagaan mereka susulan kesan pandemik COVID-19.</p>
13.	<p><b>Menggugurkan atau mengurangkan keperluan ejen berdaftar cap dagangan bagi 500 orang</b> daripada mengikuti program berbayar MyIPO bagi tujuan pembaharuan pendaftaran ejen cap dagangan tahun 2021.</p>	<p>Inisiatif ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan ejen cap dagangan serta cabaran aliran tunai yang dihadapi perniagaan mereka susulan kesan pandemik COVID-19.</p>

Kategori 2: Membantu Merancakkan Ekonomi

<i>Direct impact</i>		
Bil	Inisiatif	Objektif
1.	Franchise @ Marketplace	Mempromosi dan menjual produk franchise melalui platform Shopee
2.	Kerjasama Dalam Program Usahawan Anak Muda di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	Membantu pemohon kiosk di bawah program ini yang ingin memulakan perniagaan dengan francais.
3.	Penyewaan Kiosk/ <i>Push Carts</i> di Pasaraya terpilih	Memberikan peluang kepada usahawan PKS
4.	<i>I-Keep on Wheels</i>	Membuka peluang perniagaan peruncitan kering dan basah kepada penduduk PPR, dan akan diperluaskan ke kawasan luar bandar.
5.	Memperudahkan urusan permohonan Kebenaran PDA	Mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan KPDNHEP
6.	<b>Melanjutkan tempoh sah pemegang permit</b> barang kawalan dari <b>1 tahun kepada 3 tahun</b> dan pemegang permit khas barang kawalan dari <b>6 bulan kepada 1 tahun</b>	Memudahkan syarikat/peniaga menjalankan urusan perniagaan  Memudahcara urusan perniagaan
7.	<b>Memendekkan proses pengeluaran permohonan</b> baharu permit barang kawalan dari <b>7 hari kepada 5 hari</b> dan <b>pembaharuan permit</b> barang kawalan dari <b>5 hari kepada 3 hari</b>	Mempercepat syarikat/peniaga menjalankan urusan perniagaan  Memudahcara urusan perniagaan
8.	<b>SSM Prihatin</b>	Membantu peniaga-peniaga kecil dengan menawarkan bantuan yang paling sesuai semasa era pandemik COVID-19 agar komuniti ini dapat meneruskan perniagaan terutamanya dengan kehadiran pelanggan yang berkurangan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.  Selain itu, pengenalan program SSM Prihatin juga dapat membimbing peniaga-peniaga kecil

		mentransformasi perniagaan mereka dari perniagaan secara tradisional kepada perniagaan secara digital, meningkatkan pendaftaran perniagaan di dalam negara dan meningkatkan pendaftaran SSM BizTrust dikalangan usahawan atas talian.
9.	Mengekalkan nilai <b>ambang keberhutangan kepada RM 50,000</b>	Untuk mengurangkan tindakan penggulangan terhadap syarikat yang terkesan dengan krisis pandemik COVID-19, SSM telah menaikkan nilai ambang keberhutangan di bawah seksyen 466 Akta Syarikat 2016 daripada RM10,000 kepada RM50,000 dan dikekalkan agar terus berkuatkuasa selepas 31 Disember 2020.
10.	Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2020  &  Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2020	Kedua-dua Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat.  Penambahbaikan ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara.
11.	<b>Usahawan Asnaf</b>	Penyaluran zakat korporat SSM kepada golongan asnaf yang ingin menjalankan perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing.

***Indirect impact***

<b>Bil</b>	<b>Inisiatif</b>	<b>Objektif</b>
12.	Penjualan Produk Basah (Ikan, Sayur dan Ayam) di Stesen Petronas	Menjadikan Stesen Minyak Petronas sebagai <i>one stop center</i> memasarkan item keperluan utama, yang meliputi produk basah kepada penduduk di sekitar kawasan stesen minyak ini.
13.	Promosi dan Pengiklanan Digital	Memperkenalkan produk keluaran PKS kepada orang ramai
14.	Promosi Produk segar Beku	Mempromosi produk keluaran PKS yang berpotensi diketengahkan.
15.	<b>Melanjutkan tempoh pembayaran kompaun</b> oleh pesalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi ruang kepada peniaga untuk membuat pembayaran kompaun.</li> <li>- Memudahkan urusan perniagaan</li> </ul>
16.	<b>Melaksanakan penguatkuasaan berimbang</b> di lokasi "Wilayah Bebas Berniaga" di Wilayah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memudahkan peniaga menjalankan urusan perniagaan</li> <li>- Memudahkan urusan perniagaan</li> <li>- Mengaplikasikan pendekatan berhemah dan amaran sebelum tindakan undang-undang.</li> </ul>



